

29 JUL 2003

SHAFIE-RUMAH

SPNB DIARAH BINA 150,000 UNIT RUMAH KOS SEDERHANA DALAM PAKEJ RANSANGAN

PELABUHAN BARAT, 29 Julai (Bernama) -- Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dipertanggungjawabkan membina 150,000 unit rumah kos sederhana dan mampu milik dalam tempoh lima tahun, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Mohd Shafie Salleh hari ini.

Katanya, cadangan itu dirangka dalam strategi baru meransang ekonomi negara bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

"Setakat ini, 960 unit rumah sudah disiapkan dan telah memperolehi Sijil Kelayakan Menduduki (CF) dan kesemuanya di dalam negeri Selangor dan kerajaan sedang menunggu senarai pemohon yang layak dari kerajaan itu," katanya di sini.

Beliau mengumumkan perkara itu ketika mewakili Menteri Kewangan II Datuk Dr Jamaludin Jarjis merasmikan upacara pecah tanah Kompleks Kastam Diraja Malaysia Selangor di sini.

Dr Mohd Shafie berkata, 47,387 unit sedang dalam proses pelaksanaan dan pembinaan di seluruh negara dan sebahagiannya dijangka siap akhir 2003 dan sebahagian lagi pada 2004 atau 2005.

Beliau berkata, bagi baki 101,653 unit lagi, SPNB kini sedang dalam proses mendapatkan tanah yang bersesuaian di seluruh negara dan sebaik sahaja tapak diperolehi projek akan dilaksanakan segera.

Pencapaian SPNB membina sebanyak 1/3 dari jumlah yang diarahkan adalah amat memberangsangkan, katanya. -- BERNAMA

SHS AHM